

**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### KERAJAAN TAWAR HARGA TERBAIK UNTUK TANAH KAMPONG BHARU

**KUALA LUMPUR, 21 September 2019** – Kerajaan menawarkan untuk membeli tanah di Kampong Bharu pada kadar RM850 satu kaki persegi yang merupakan kadar tertinggi dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dengan mengambilkira faktor mengekalkan syarat kepentingan pemilikan oleh orang Melayu sahaja. Penilaian juga dibuat berdasarkan transaksi-transaksi jualan lot tanah di Kampong Bharu terdahulu. Nilai tawaran tersebut telah dibentangkan oleh YB Tuan Haji Khalid Bin Abdul Samad, Menteri Wilayah Persekutuan kepada pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu yang menghadiri Sesi Town Hall hari ini.

Selain nilai harga tanah, apa-apa struktur atau bangunan di atas tanah pemilik dan pewaris juga turut akan dinilai bagi tujuan pulangan kepada mereka. Oleh itu, jumlah pulangan yang bakal diterima oleh pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu adalah jumlah harga tanah ditambah dengan jumlah nilai struktur di atas tanah tersebut.

Kerajaan memperkenalkan empat tawaran untuk dipilih sendiri oleh setiap pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu bagi urusan jual beli iaitu pulangan tunai, pulangan unit siap, kombinasi pulangan tunai dan unit siap serta pulangan sebagai pemegang saham dalam syarikat tujuan khas (SPV). Tawaran jual beli ini adalah berdasarkan lot tanah dan bukannya setiap pemilik yang berdaftar. Kerajaan menegaskan bahawa, pemilikan tanah di Kampong Bharu ini akan tetap menjadi hak orang Melayu tanpa kompromi.

Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu optimis dalam melaksanakan pembangunan semula di Kampong Bharu. Matlamat pembukaan kampung ini untuk menambah bilangan orang Melayu di tengah Kuala Lumpur dahulu akan diperkasakan lagi sekarang melalui rancangan pembinaan

perumahan mampu milik. Sebanyak 45 ribu unit kediaman pelbagai jenis akan dibangunkan khususnya kepada orang Melayu. Dijangka melalui pembinaan lot kediaman yang dirancang ini akan membolehkan bilangan orang Melayu bertambah di dalam kawasan tersebut berbanding sekarang yang dimonopoli oleh warga asing. Hasil pembangunan semula Kampong Bharu ini seterusnya dapat mengembangkan lagi pemilikan hartanah orang Melayu di dalam kawasan segi tiga emas Kuala Lumpur.

Perancangan pembangunan Kampong Bharu tidak harus dilihat dan dianggap sebagai usaha mengusir orang Melayu dari pusat bandar tetapi realiti sebenarnya adalah Kerajaan ingin memastikan orang-orang Melayu bertambah dan tetap mengekalkan mereka di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur. Kerajaan akan memastikan keseimbangan di antara memaksimumkan potensi pembangunan dengan memelihara dan menjaga kepentingan orang Melayu di kawasan tersebut. Oleh itu, konsep pembangunan semula Kampong Bharu amat menekankan elemen islamik, seni dan budaya Melayu melalui penyediaan Taman Warisan Kampong Bharu dan senibinanya. Pembangunan semula Kampong Bharu ini akan menjadi lambang kemegahan orang Melayu di tengah kota Kuala Lumpur pada masa akan datang.

Memandangkan Kampong Bharu mencecah usia 119 tahun, Kerajaan perlu membuat penambahbaikan kepada persekitarannya. Walaupun penduduk Kampong Bharu mempunyai tanah yang boleh dikatakan bernilai tinggi namun disebabkan oleh pelbagai halangan dan kekangan yang telah dihadapi menyebabkan Kampong Bharu tidak dapat dibangunkan dan agak terpinggir serta ketinggalan dalam arus pembangunan.

**Disediakan oleh :**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**